

Amalan-Amalan Yang Mendatangkan Pahala Berlipat Ganda

	Perkara	Pahala	Rujukan
1	Siwak sebelum takbiratul ihram	70 kali ganda dari solat tanpa siwak	Al-Baihaqi Sunan al-Kubra no. 159-161 (Hasan li ghairih)
2	Solat berjemaah	25 atau 27 kali ganda dari solat seorang diri.	Bukhari no. 645, 646
3	Saf pertama di dalam berjemaah	Mendapat selawat dari Allah Ta'ala dan para Malaikat	An-Nasa'i no. 811, Abu Daud no. 664
4	"Amin" makmum serentak "Amin" imam selepas membaca al-Fatihah	Mendapat pengampunan semua dosa yang telah lalu.	Abu Daud no. 936
5	Membaca "amin" setelah membaca al-Fatihah	Mendapat pengampunan semua dosa yang telah lalu.	Al-Bukhari no. 781 Muslim no. 916
6	Baca setelah salam solat Subuh dan Maghrib sebelum ubah cara duduk. لا اله الا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد يحيي ويميت وهو على كل شيء قدير Sepuluh kali اللهم أجرني من النار Tujuh kali	10 pahala, hapus 10 dosa, naik 10 darjat, dapat malaikat yang lindung dari syaitan, lindung dari perkara yang dibenci, tidak terkena dosa kecuali jika dia syirik, melepaskan 10 hamba Jikalau mati, dapat terlindung dari neraka	Ahmad Al-Haithami Al-Mundziri no. 682 Al-Mundziri no. 683
7	Baca "Subhanallah", "Alhamdulillah", "Allahu Akbar" 33 kali setiap satu; diakhiri dengan "Laa ilaaha illallahu wahdahu laa syareeka lah, lahul mulku wa lahul hamdu wa huwa 'ala kulli syai-in qadeer".	Ampun dosa yang sebanyak buih di lautan.	Muslim no. 597
8	Solat Isya' berjemaah	Pahala solat separuh malam	Muslim no. 656
9	Solat Subuh berjemaah	Pahala solat sepanjang malam Dalam perlindungan Allah Ta'ala dan tidak masuk neraka	Muslim no. 656 Muslim no. 657

	Perkara	Pahala	Rujukan
10	Solat qabliyyah Subuh	Pahala yang lebih baik dari dunia dan segala isinya.	Muslim no. 1193
11	Duduk pada tempat solat / sejadah setelah solat Subuh dan berzikir sampai naik matahari kemudian solat Isyraq. *dengan syarat solat Subuh berjemaah *tidak perlu solat Subuh berjemaah	Pahala haji dan umrah yang sempurna	Termidzi no. 586 Tabrani (al-Ausath no. 5602)
12	Solat Dhuha 4 rakaat Jikalau bersuci di rumah, kemudian dilakukan di masjid	Ampun dosa yang sebanyak buih di lautan. Rumah dalam syurga Jaminan rezeki hari itu. Umrah yang sempurna	Termidzi no. 476 Tabrani (al-Ausath 4753) Sunan al-Kubra no. 4901 Abu Daud no. 558
13	Solat Tasbih	Ampun dosa yang awal dan akhir, lama dan baru, sengaja dan lupa, kecil dan besar, rahsia dan nyata.	Abu Daud no. 1297 Ibn Majah no. 1387
14	4 rakaat qabliyyah Zohor	Rumah dalam syurga Pahala solat 4 rakaat qiyamullail	Tabrani (al-Ausath 4753) Ibn Abi Syaibah no. 5991
15	4 rakaat qabliyyah Zohor + 4 rakaat ba'diyyah Zohor	Terlindung dari api neraka	Abu Daud no. 1269 An-Nasa'I no. 1814
16	4 rakaat qabliyyah Asar	Rahmat dari Allah Ta'ala Terlindung dari api neraka	Termidzi no. 430 Tabrani (al-Kabir 611, al-Ausath 2601)
17	6 rakaat selepas Maghrib dan tidak berbual / senyap Anjuran: 2 rakaat qabliyyah maghrib (qadha') + 2 rakaat ba'diyyah maghrib + 2 rakaat. Diniatkan sekali sunat awwabin pada ke semua rakaat.	Ibadah selama 12 tahun	Termidzi no. 435 Walaupun dha'if, tetapi thabit Nabi ﷺ solat sunat antara maghrib dan Isya' (Termidzi no. 3781)
18	4 rakaat selepas Isya'	Pahala solat malam Lailatul Qadar	Ibn Abi Syaibah no. 7351-7357

	Perkara	Pahala	Rujukan
19	Menjaga 12 rakaat solat Rawatib: 2 rakaat sebelum Subuh 4 rakaat sebelum Zohor 2 rakaat selepas Zohor 2 rakaat selepas Maghrib 2 rakaat selepas Isya'	Rumah dalam syurga	Muslim no. 728
20	Membaca al-Quran	Satu huruf = 10 pahala	Termidzi no. 2835
21	Membaca 10 ayat waktu malam. (minimum)	Bukan golongan orang yang lalai.	Ibn Hibban 662
22	Membaca 100 ayat waktu malam. (minimum)	Pahala qiyamullail sepanjang malam	Ibn Hibban 662
23	Membaca 1000 ayat waktu malam. (minimum)	Pahala orang yang mendapat loba yang besar (lebih besar dari pahala qiyamullail sepanjang malam!)	Ibn Hibban 662
24	Membaca surah Yaasin	10 kali khatam al-Quran ¹	Termidzi no. 2887
25	Membaca Surah al-Zalzalah 2 kali (minimum)	Sekali khatam al-Quran	Termidzi no. 2894
26	Membaca Surah al-Ikhlâs 3 kali (minimum)	Sekali khatam al-Quran	Bukhari no. 6643 Muslim no. 881
27	Membaca Surah al-Kaafirun 4 kali (minimum) ATAU Membaca Surah an-Nasr 4 kali (minimum)	Sekali khatam al-Quran	Mustadrak al-Hakim no. 859 Termidzi no. 2895
28	Membaca ayat Kursi selepas solat fardhu	Tiada sesuatu yang menghalang masuk syurga kecuali maut.	Tabrani (al-Kabir no. 7532)
29	Membaca Sayyidul Istighfar pagi sekali dan petang sekali.	Masuk syurga jikalau mati pada siang atau malam hari itu.	Bukhari no. 5947
30	Baca selawat: اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَأَنْزِلْهُ الْمَقْعَدَ الْمُقَرَّبَ مِنْكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ	Dapat syafaat Nabi Muhammad ﷺ	Tabrani (al-Ausath 3393)
31	Jawab setiap lafadz Azan ketika Muazzin mengumandangnya	Masuk syurga	Muslim no. 577
32	Baca doa selepas mendengar Azan	Dapat syafaat Nabi Muhammad ﷺ	Muslim no. 579

¹ Al-Quran ada 1 027 000 huruf (al-Itqan Jilid 1 ms 98). Satu khatam = 1 027 000 huruf × 10 pahala = 10 027 000 pahala!

	Perkara	Pahala	Rujukan
33	Baca do'a: جَزَى اللهُ عَنَّا مُحَمَّدًا بِمَا هُوَ أَهْلُهُ	Memenangkan 70 Malaikat menulis pahala selama 1000 Subuh	Tabrani (al-Ausath 235)
34	Zikir pagi dan petang: سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم 100 kali	Ampun dosa yang sebanyak buih di lautan.	Bukhari no. 6405
35	Pergi ke masjid di waktu pagi untuk belajar atau mengajar.	Pahala haji yang sempurna	Tabrani (Mu'jam al-Kabir no. 7473)
36	Bersuci di rumah, lalu pergi ke masjid untuk solat fardhu berjemaah.	Pahala haji yang sempurna.	Abu Daud no. 558
37	Berjalan pergi ke masjid.	Setiap langkah naik satu darjah, dapat satu pahala, hapus satu dosa.	Muslim no. 654
38.	Mandi sunat Jumaat dengan sempurna seluruh tubuh serta bersuci, lalu pergi awal ke masjid dengan berjalan kaki (tanpa kenderaan) dan duduk hampir dengan mimbar.	Setiap langkah dapat pahala puasa dan qiamullail setahun.	Termidzi no. 456
39	Terkena penat, sakit, duka, kerisauan, pedih walaupun sekecil tercucuk peniti yang sangat kecil atau suntikan ubat.	Menghilangkan segala dosa	Bukhari no. 5318
40	Baca zikir berikut ketika masuk tempat membeli-belah (supermarket, pasar, kedai runcit, dan lain-lain lagi) لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد يحيي ويميت وهو حي لا يموت بيده الخير	Dapat sejuta pahala, hapus sejuta dosa, naik sejuta darjat.	Termidzi no. 3489 Ibn Majah no. 2235
41	Baca surah al-Ikhlâs 3 kali apabila masuk rumah	Turun berkat pada dirinya, ahli rumahnya dan jiran-jirannya.	Ad-Durul Manthur (Imam Suyuthi)

Gandaan Pahala Mengikuti Tempat dan Masa

Amalan yang sudah berganda di atas boleh digandakan sekali lagi mengikut musim / masa dan tempat amalan tersebut dilakukan.

	Tempat / Masa	Pahala	Rujukan
1	Tanah Haram (semua amal kebajikan seperti solat, puasa, sedekah, baca al-Quran / maulid, senyum, dan lain-lain lagi)	100 000 kali ganda dari amalan di Tanah Halal	Ibn Majah 3117 Al-Mundziri at-Tagrib no. 1702
2	Masjidil Haram (solat sahaja)	100 000 kali ganda berbanding di luar Masjidil Haram ²	Ahmad no. 16 117 Ibn Hibban no. 1620
3	Masjid Nabawi (solat sahaja) (seluruh masjid, tidak terhad kepada masjid lama yang asal)	1000 kali ganda berbanding di luar Masjid Nabawi (tidak termasuk Masjidil Haram / Tanah Haram)	Ahmad no. 16 117 Ibn Hibban no. 1620
4	Masjid al-Aqsa (solat sahaja)	500 kali ganda berbanding di luar Masjid al-Aqsa (tidak termasuk Masjidil Haram / Tanah Haram dan Masjid Nabawi)	Al-Bazzar no. 4142
5	Bulan puasa	Pahala solat sunat jadi solat fardhu. Solat fardhu ³ digandakan kepada 70 kali ganda	Ibn Khuzaimah no. 1887
6	Sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan (moga ² terkena Lailatul Qadr)	Ganda pahala 1000 bulan ⁴	Surah al-Qadr

² Gandaan ini selain dari solat di Tanah Haram. Jadi solat di Masjidil Haram mendapat $100\,000 \times 100\,000 = 10$ trilion kali ganda berbanding solat di Tanah Halal e.g. Singapura. Gandaan ini sudah termasuk gandaan dari Masjid Nabawi (riwayat Imam Ahmad dan Baihaqi). Saya menolak qaul yang mengatakan Masjidil Haram adalah seluruh Tanah Haram (lihat <https://www.facebook.com/notes/mat-tyler/100000-solat-di-masjidil-haram-atau-seluruh-tanah-haram/10155352656836447/>)

³ Tidak termasuk solat sunat yang dinazarkan kerana hadith menggunakan perkataan “فريضة” yang membawa erti sesuatu yang difardhukan oleh Allah Ta’ala kepada manusia dan jin. Sedangkan nazar itu sesuatu yang seseorang wajirkan atas diri sendiri, wallahu a’lam.

⁴ Maka diganda $1000 \text{ bulan} \times 30 \text{ hari} = 30\,000 \text{ hari / malam!}$ Contoh: baca surah al-Ikhlas 3 kali dapat 10 027 000 pahala. Baca pada Lailatul Qadr = $10\,027\,000 \text{ pahala} \times 30\,000 \text{ malam}$. Baca pada Lailatul Qadr di Masjidil Haram = $10\,027\,000 \text{ pahala} \times 30\,000 \text{ malam} \times 100\,000!!!$ Dan mungkin lebih kerana Allah Ta’ala guna perkataan “lebih baik”.

	Tempat / Masa	Pahala	Rujukan
7	1 – 10 Dzulhijjah	Setiap amalan lebih baik dari pahala pergi berjihad, kecuali orang itu mati syahid.	Bukhari

Dan gandaan terakhir....

Viralkan amalan gandaan kepada semua orang, kerana:

ان الدال على خير كفاعله

Maknanya:

Sesungguhnya orang yang menunjuk kepada kebaikan adalah seperti yang melakukan. (at-Termidzi no. 2613)

Maka jikalau orang lain beramal sebab anda, maka anda akan mendapat pahala sebanyak mana yang orang itu amalkan, tanpa berkurangan pahala orang tersebut. Kalau orang tersebut beritahu orang lain, maka orang tersebut dapat gandaan pahala, dan anda mendapat pahala 2 orang: orang yang anda beritahu dan orang yang diberitahu oleh orang tadi.

Dan pahala tersebut akan berterusan berganda jikalau ia diviralkan dan diamalkan oleh ramai orang.

Semoga Allah Ta'ala memberi habuan gandaan pahala tersebut kepada para asatizah yang telah memberi ide dan ilham untuk mengumpulkan amalan² tersebut seperti Ustaz Hj Ahmad Haris Suhaimi (penulis Pahala Hidup 7000 tahun) dan Ustaz Muhadir Hj. Joll.

Ameen.